



Mutiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL 135 JUN 2017

Majlis Makan Malam bersempena Ulang Tahun Ke-55 PPWS
3 Mei 2017



Kunjungan Hormat kepada Yang Amat Berbahagia Datin Amar Dato Hajah Juma'ani binti Tun Tuanku Haji Bujang, isteri Ketua Menteri Sarawak

30 Mac 2017





Perutusan Pengerusi Negeri

Assalamualaikum
Wahamatullahi
Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Tahun 2017 adalah sambutan ulang tahun PPWS yang ke-55 tahun. Tema sambutan Hari PPWS Ke-55 ini adalah **"55 YEARS: GROW IN PARTNERSHIP WITH YOU"**.

Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang unggul di Sarawak, PPWS amat bersyukur kerana masih mampu bertahan sebagai sebuah NGO yang teguh, berpengaruh dan mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang berbilang kaum di Sarawak dan menyokong program-program pembangunan Kerajaan Negeri sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Semenjak ditubuhkan sehingga sekarang, PPWS sentiasa bergerak seiring dengan arus pembangunan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang terancang, disusun atur sepanjang tahun, mengikut bajet yang sedia ada sama ada dengan kerjasama agensi-agensi pihak swasta ataupun bergandingan dengan NGO lain. Setiap program atau aktiviti dijayakan melalui penyertaan, penglibatan dan sokongan seramai 14,295 orang ahli yang terdapat di seluruh tanah air Negeri Sarawak.

Kerjasama erat pertubuhan PPWS dengan agensi kerajaan maupun swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain sejak tahun 1962 sentiasa diteruskan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf ekonomi, pengetahuan, kemahiran dan sahsiah kaum wanita Negeri Sarawak.

Selain itu, Kerajaan Negeri Sarawak yang kini ditadbir di bawah kepimpinan **Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak**, sentiasa menyokong padu agar PPWS terus bergerak maju ke hadapan sesuai dengan era digital masa kini.

Sempena sambutan ulang tahun ke-55 PPWS tahun ini, telah dianjurkan dengan jayanya simposium bertajuk "Striking the Balance of Development Through NGOs". Panel-panel jemputan ialah dari Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO),

Yayasan Generasi Gemilang, Soup Kitchen dan sesi perkongsian yang dihadiri oleh wakil dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kelab *Toastmaster* dan *Sarawak Women for Women Society (SWWS)*.

Sukacita dimaklumkan bahawa PPWS pada tahun ini buat pertama kalinya telah menganjurkan program larian yang bertemakan **"Wonder Women Run"** pada hujung bulan Julai 2017, bertujuan untuk mengumpul dana bagi tabung **"SFWI Care and Share"**. Kutipan tabung ini adalah untuk aktiviti dan program *outreach*. Kutipan dana ini juga akan disumbangkan kepada "cancer survivors" daripada 2 NGO, iaitu, Persatuan Kumpulan Sokongan Pink Ribbon Sarawak dan Kumpulan Sokongan Bagi Pesakit Payudara Sarawak. Jumlah penyertaan yang disasarkan adalah seramai 1,000 orang.

Di kesempatan ini, saya mewakili warga PPWS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa menyokong padu dan menjadi tulang belakang kepada mana-mana aktiviti dan program PPWS di luar bandar dan bandar baik di peringkat Kawasan, Daerah dan Cawangan sejak 55 tahun PPWS ditubuhkan. Saya berharap agar kerjasama sebegini dapat diteruskan untuk masa-masa akan datang demi pembangunan kaum wanita di Negeri Sarawak.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Media dan Publisiti kerana di atas penerbitan Mutiara Berita PPWS Edisi 135, Jun 2017.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga PPWS kerana memberi sokongan yang berterusan menyalurkan maklumat serta gambar-gambar program / aktiviti anjuran PPWS dari seluruh Sarawak sebagai pengisian untuk penerbitan Mutiara Berita PPWS kali ini.

Sekian, terima kasih.

"BIJAK, CEKAP, BERMAKLUMAT"
"55 Years: Grow in Partnership With You"

NORJANAH BINTI HAJI RAZALI
Pengerusi Negeri PPWS
Sesi 2015-2018



PPWS Menyambut Perayaan Tahun Baru Cina Bersama Kanak-kanak Kurang Bernasib Baik

24 JANUARI 2017

SALVATION ARMY CHILDREN'S HOME, KUCHING

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) di bawah Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan yang dipengerusikan oleh Puan Salbiah Abdullah telah mengadakan lawatan ke *Salvation Army Children's Home* di Kuching sempena Tahun Baru Cina 2017.

Seramai lebih kurang 15 orang kanak-kanak berpeluang mempelajari cara menghias kek cawan yang ditunjuk ajar oleh Puan Hajah Jamelah binti Haji Mobil dan Puan Annie dari JamNie Bakery, agihan buah limau dan sambutan hari jadi untuk salah seorang kanak-kanak di sana turut diadakan. Sumbangan cek turut disampaikan oleh PPWS kepada *Salvation Army Children's Home* sempena lawatan tersebut.

Program ini merupakan salah satu Program *SFWI Care and Share* untuk PPWS mendekati diri dengan golongan yang memerlukan terutamanya sempena musim-musim perayaan. Program *SFWI Care and Share* telah dilancarkan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS sempena Sambutan Hari PPWS Ke-54 Peringkat Negeri pada 10 Mei 2016 yang lepas di Miri, Sarawak.

Sebelum ini, PPWS turut mengadakan lawatan ke *Sarawak Children's Cancer Society (SCCS)* di Batu Kawa, Kuching pada 14 Disember 2016 yang lepas sempena Hari Natal 2016. Sumbangan cek turut disampaikan kepada *Sarawak Children's Cancer Society (SCCS)* oleh PPWS melalui Cik Genevieve Tan.

Berikut adalah gambar-gambar yang diambil sempena lawatan ke *Salvation Army Children's Home*:



PPWS bersama kanak-kanak di *Salvation Army Children's Home*.
Barisan Tengah (dari kiri):
Puan Phohariniza Amika (Setiausaha Eksekutif PPWS), Puan Salbiah Abdullah (Exco PPWS Kawasan Miri/Bintulu/Pengerusi JKK Sosial, Rekreasi dan Kebajikan), wakil Major T. Chelvee (Superintenden Kuching Children's Home), Puan Azlina Bujang dan Puan Fathiyah Abdul Hady

Demonstrasi menghias kek cawan oleh Puan Hajah Jamelah Haji Mobil dari JamNie Bakery sambil diperhatikan oleh kanak-kanak *Salvation Army Children's Home*



Demonstrasi menghias kek cawan oleh Puan Annie dari JamNie Bakery sambil diperhatikan oleh kanak-kanak *Salvation Army Children's Home*.



Sambutan Hari Jadi untuk kanak-kanak di rumah kebajikan tersebut. Kek hari jadi ditaja oleh seorang ahli PPWS.



Penyerpaian sumbangan cek kepada *Salvation Army Children's Home*. Sumbangan disampaikan oleh Puan Salbiah Abdullah, Pengerusi JKK Sosial, Rekreasi dan Kebajikan kepada Major T. Chelvee, Superintenden *Salvation Army Children's Home*.

Pertandingan Aneka Rasa Maggi Bersama PPWS

8 APRIL 2017

PASARAYA MYDIN, SAMARIANG



▲ Puan Hamidah Mohamad telah mendapat Tempat Pertama.



▲ Encik Wan Sazy bin Wan Ateng telah mendapat Tempat Kedua dan Persembahan Terbaik.



▲ Para peserta yang menyertai Pertandingan Masakan tersebut dan telah menerima hadiah tajaan Nestle-Maggi.



▲ Ucapan disampaikan oleh Puan Aishah Edris, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS.



▲ Yang Berbahagia Puan Norazlin binti Sapawi, tetamu kehormat yang telah hadir ke program tersebut. Beliau berkesempatan mencuba menu yang dimasak oleh para peserta pertandingan.

Kunjungan Hormat kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenaan Program Larian "Wonder Women" 2017

13 APRIL 2017

HOTEL HILTON, KUCHING



▲ YB Datuk Menteri telah dilantik menjadi Penasihat Program Larian "Wonder Women" 2017.



▲ YB Datuk Menteri bermesyuarat bersama Jawatankuasa Pengelola dan berbincang lebih lanjut perancangan program larian tersebut.

Kunjungan Hormat kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS

27 APRIL 2017

**KEDIAMAN RASMI TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK, PETRA JAYA**

▶ Kunjungan hormat kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS berkenaan dengan program bersempena dengan ulang tahun ke-55 PPWS



Simposium "Striking the Balance of Development Through NGOs"

3 MEI 2017

HOTEL RIVERSIDE MAJESTIC, KUCHING

Berita
IBU PEJABAT

Simposium tersebut merupakan satu usaha PPWS untuk menyediakan platform dan ruang perbincangan dalam mengenalpasti dan membincangkan tanggungjawab dan peranan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mendepani cabaran masa depan selaras dengan pembangunan Negara.



▲ Para peserta yang hadir ke simposium.



▲ YBhg. Profesor Dato' Dr Rashila Ramli dari Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) membentangkan kertas kerja bertajuk Peranan NGO sebagai Rakan Strategik dalam Pembangunan.



▲ Cenderahati dari PPWS disampaikan oleh Puan Hajah Hamimah binti Haji Hasbullah, Naib Pengerusi Negeri PPWS kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pembangunan Keluarga Sarawak sambil diperhatikan oleh Puan Kuspa Bohari.



▲ Panel yang dijemput dalam Sesi Perkongsian yang dihadiri oleh wakil-wakil dari PPWS, UiTM, NCWO, Kelab Toastmaster dan SWWS. Sesi dipengerusikan oleh Puan Farida Abdul Halim dari UNIMAS.



▲ Pemeriksaan kesihatan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.



▶ Pelapor yang bertugas ialah Puan Azlina Bujang (Ketua) dan Puan Hajah Zainab Haji Tambi.



▶ Penyertaan booth dari Kumpulan Sokongan Bagi Pesakit Payudara Sarawak.



Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak dan Yang Amat Berbahagia Datin Amar Dato Hajah Juma'ani binti Tun Tuanku Haji Bujang sedang berbual sambil diperhatikan oleh Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS dan Puan Kuspa Bohari, Setiausaha Kehormat PPWS.

Ucapan disampaikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS



Persembahan khas dramateri "Gadis dan Bunga" dan "Joget Zapin Sarawak" oleh ahli-ahli PPWS.



Persembahan khas koir lagu PPWS yang disampaikan oleh ahli-ahli PPWS.



Persembahan nyanyian oleh Topi Hitam Band.



Mesyuarat Perjumpaan Tahunan PPWS 2017

4 MEI 2017

IBU PEJABAT PPWS, KUCHING



Mesyuarat Perwakilan KOPERWANIS 2017

4 Mei 2017

Ibu Pejabat PPWS, Kuching



**Program Hari Valentine Wanita
anjaran PPWS Daerah Serian**

14 Februari 2017

Dewan Masyarakat Serian



► Persiapan menghias dewan dan pentas untuk majlis makan malam tersebut.

Program 'Financially Empowered Women' bersama Purple Lily Kuching

10 Mac 2017

Sebuyau, Simunjan



▲ Sesi motivasi yang menasarkankan ahli yang berpendapatan RM1,500.00 ke bawah.



▲ Sesi pembentangan ahli secara individu bagi meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran komunikasi.



▲ Puan Suraya Bujang wakil daripada Persatuan Purple Lily Kuching selaku penceramah pada hari tersebut.

Majlis Pra-Gawai 2017 Anjaran PPWS Daerah Serian

26 Mei 2017

Dewan Masyarakat Serian



▲ Ketibaan tetamu kehormat Yang Berhormat Dato Sri' Richard Riot Jaern, Menteri Sumber Manusia



▲ Puan Wendy Peter Kiang, Pengerusi PPWS Daerah Serian bersama ahli-ahli golongan muda PPWS Daerah Serian.



▲ Ratu Cantik PPWS dimenangi oleh Cik Alviana Mading (PPWS Cawangan Tanah Mawang). Pertandingan Ratu Cantik PPWS anjaran PPWS Daerah Serian telah disertai oleh anak-anak dalam kalangan ahli PPWS Daerah Serian.

Aktiviti Perjumpaan Tahunan PPWS Daerah Bintulu / Tatau 26 Februari 2017 Bangunan PPWS Daerah Bintulu/Tatau

▶ Kehadiran Penasihat PPWS – YBhg. Dato Ursula Goh & rombongan dari PPWS Kawasan Miri/Bintulu



Puan Jamilah Ajis, Pengerusi Daerah Bintulu/Tatau mempengerusikan mesyuarat



▶ Kehadiran ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau dalam Perjumpaan Tahunan 2017



▶ Ahli-ahli PPWS Daerah Bintulu/Tatau menjamu selera selepas sesi Mesyuarat Perjumpaan Tahunan 2017



▶ Sumbangan telah disampaikan oleh AJK PPWS Daerah Bintulu/Tatau kepada keluarga Puan Normah bt Haji Zamhari, Pengerusi-Cawangan Cempaka bersama ibu beliau Puan Hajah Norizah Abdullah yang ditimpa musibah kebakaran dua (2) buah rumah akibat litar pintas.

Aktiviti Riadah Majlis Kesyukuran Cawangan Penan Muslim Batu 10



**Sambutan 55 Tahun PPWS Peringkat Daerah Lawas dengan
kerjasama Agro Bank
20 Mei 2017
Waterfront, Lawas**

Berita Kawasan
Limbang / Lawas



▶ Bersama Kakitangan AGRO Bank Lawas dan Penyampaian Cenderahati oleh Timbalan Pengerusi PPWS Daerah, Puan Takong Pengiran

**Liga Persahabatan Futsal Sambutan 55 Tahun PPWS Peringkat Kawasan Limbang / Lawas
20 Mei 2017
Mega Sport Hall, Lawas**



▶ Puan Jamilah Haji Pangkat, Pengerusi PPWS Kawasan Limbang/Lawas bergambar kenangan bersama empat (4) pasukan pemain dan pengadil

**Penyediaan Bubur Lambuk anjuran PPWS Kampung Batu Dua
26 Mei 2017
Surau Darul Istiqamah Kpg Batu Dua**



▶ Ahli PPWS menyediakan bubur lambuk sempena solat teraweh pertama bulan Ramadan 2017.



PENGENALAN

TEKUN Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Yayasan TEKUN Nasional adalah merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang diwujudkan pada 9 November 1998. Matlamat penubuhan TEKUN Nasional adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat kepada bumiputera untuk memula dan memajukan lagi perniagaan mereka. Kini TEKUN Nasional dibawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani

Mulai tahun 2008, TEKUN Nasional telah membuat perubahan dan pembaharuan selaras dengan keperluan semasa dengan menjadikan institusi ini sebagai sebuah institusi pembangunan usahawan yang strategik dan tidak hanya menyediakan kemudahan modal perniagaan semata-mata. Kini TEKUN Nasional menjadi sebuah institusi yang menyediakan peluang-peluang perniagaan serta peluang-peluang menjana pendapatan, pembiayaan modal perniagaan, khidmat bimbingan dan sokongan serta Jaringan Usahawan.

Adalah diharapkan dengan Hala Tuju Baru dan Penjenamaan semula ini, TEKUN Nasional akan menjadi sebuah institusi pelaksana (executing agency) yang dinamik serta mampu memainkan peranannya dengan lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penubuhannya selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dengan kejayaan MPPB ini hasrat kita untuk mengangkat martabat bangsa Melayu dan Bumiputera dalam bidang ekonomi akan tercapai.

VISI
 Sebagai institusi peneraju pembiayaan mikro yang unggul

MISI
 Melahirkan dan membangunkan usahawan melalui pembiayaan mikro kredit yang mudah di akses.

- OBJEKTIF**
- Menyediakan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan
 - Menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan tekun.
 - Mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan.
 - Memupuk budaya keusahawanan dan menabung di kalangan usahawan
 - Memastikan pinjaman yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain

- PRODUK**
1. Skim Pinjaman TEKUN Nasional
 2. Skim Pinjaman TEMAN TEKUN
 3. Skim Pembiayaan Kontrak – i
 4. Ar-rahnu (belum ada cawangan di Sarawak)
 5. Skim Pinjaman Usahawan Masyarakat India (SPUMI)
 6. Program Khas :-
 - Program Pembangunan Usahawan Profesional Muda Bumiputera
 - Skim Pembiayaan Usahawan Bekas Tentera



EN. ROSLAN AIS
 Pengurus TEKUN Negeri Sarawak

PEJABAT CAWANGAN SELURUH SARAWAK

1. CAWANGAN BANDAR KUCHING & STAMPIN
2. CAWANGAN PETRA JAYA & SANTUBONG
3. CAWANGAN MAS GADING
4. CAWANGAN KOTA SAMARAHAN
5. CAWANGAN MAMBONG & SERIAN
6. CAWANGAN BATANG SADONG
7. CAWANGAN SRI AMAN & LUBOK ANTU
8. CAWANGAN SARATOK, BETONG & BATANG LUPAR
9. CAWANGAN SIBU, KANOWIT, LANANG & SELANGAU
10. CAWANGAN SARIKEI, TG MANIS & JULAU
11. CAWANGAN KAPIT & HULU RAJANG
12. CAWANGAN MUKAH & IGAN
13. CAWANGAN BINTULU
14. CAWANGAN MIRI, SIBUTI & BARAM
15. CAWANGAN LIMBANG
16. CAWANGAN LAWAS

PEJABAT NEGERI
 LOT 578, SEKSYEN 10, TINGKAT 1,
 JALAN TUN AHMAD ZAIDI ADRUCE,
 93400 KUCHING SARAWAK.
 TEL : 082-410972
 FAX : 082-428264
 WEB : www.tekun.gov.my

Seksyen Keusahawanan



Nama Usahawan : Puan Aslina binti Munchit
Jenis Perniagaan : Mengusaha produk makanan kering
No. Telefon : 013-8496576

Beliau merupakan ahli PPWS di Daerah Lawas. Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 2006. PPWS ialah pertubuhan yang menggalakkan perpaduan di antara ahli-ahli melalui penganjuran program/aktiviti PPWS. Semenjak menjadi ahli PPWS, beliau telah banyak mempelajari kemahiran memasak pelbagai resipi lama maupun baru. PPWS sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada beliau supaya lebih berjaya lagi dalam perusahaan makanan kering. Beliau menggalakkan kaum wanita menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan menanam sikap tidak mudah berputus asa.